

04/08/1999

Emkay, Lada pasar produk pelancongan

Wan Jailani Razak

PENDEKATAN perkongsian pintar diakui bijak. Ia difikirkan amat perlu oleh pelbagai pihak bagi memperkasa ekonomi. Menyedari hakikat itu, Kumpulan Syarikat Emkay menerusi kaedah berkenaan akan bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) bagi memasarkan projek mereka dan produk pelancongan di Langkawi di luar negara, tidak lama lagi.

Pengerusi Eksekutif Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata melalui kerjasama itu, promosi bersama akan dibuat di Korea, bulan depan bagi menarik pelancong negara itu ke pulau peranginan ini yang sebelum ini banyak tertumpu ke negara lain untuk bercuti.

Kerjasama itu susulan kepada Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai di antara Tema Teladan Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Emkay dan Golden Life bagi pembelian 220 unit banglo, cottage dan pangsapuri di Lagun Langkawi.

Majlis pemeteraian MoU itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mustapha Kamal berkata, kira-kira 600,000 pasangan Korea berbulan madu di seluruh dunia setiap tahun dan jika Emkay dan Lada dapat menarik sebahagian daripada jumlah itu ke Langkawi, ia sudah tentu dapat memajukan industri pelancongan yang memberi manfaat kepada projek kendalian syarikat.

Menurutnya, pihaknya akan berbincang dengan Penerbangan Malaysia (MAS) untuk mengadakan penerbangan terus dari Korea ke Langkawi.

Strategi itu perlu kerana setiap tahun, ratusan ribu pasangan Korea yang berkahwin pergi ke Pusan berkereta selama lima setengah jam untuk berbulan madu di sana.

Sekiranya mereka dapat dibawa ke sini dengan penerbangan yang memakan masa enam jam, bulan madu mereka akan menjadi lebih murah. Konsep percutian di Lagun Langkawi juga perlu dipasarkan di Jepun dan Singapura kerana minat terhadap konsep percutian yang dapat mengisi kehendak pelancong semakin meningkat.

Emkay memperuntukkan kira-kira RM300 juta bagi projek itu untuk mewujudkan kawasan peranginan yang menghadap lautan luas dengan ciri reka bentuk rumah tradisional Melayu Melaka yang dibina di atas air.

Projek itu dibina berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di kawasan seluas kira-kira 15 hektar mengandungi 178 unit banglo dua tingkat dan 675 unit cottage, 838 unit pangsapuri, sebuah kelab, pusat beli belah bebas cukai dan kawasan pejalan kaki.

Projek itu mempunyai pendekatan untuk menyediakan kemudahan penginapan mengikut keperluan pengguna akan dijual mengikut skim pemilikan bersama. Unit itu akan dibuat secara berperingkat yang dijual dengan harga di antara RM100,000 dan RM500,000 dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun.

Sementara itu, Kedah akan mengadakan Pelan Tindakan Pelancongan bagi meningkatkan industri pelancongan dan program berkaitan negeri ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sukan, Pelancongan dan Rekreasi Negeri, Abdul Rahman Ariffin, Jawatankuasa Pelancongan Negeri akan mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak dalam proses menyediakan pelan itu.

(END)